

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN  
BIL. 4/2004**

**PENJELASAN BERHUBUNG DENGAN PEMBEKUAN  
PERMOHONAN PEMBANGUNAN TANAH-TANAH MILIK DI DALAM  
KAWASAN PEMBANGUNAN BANDAR BARU TUNJUNG SEBAGAIMANA  
PEKELILING PTG BIL. 4/2004**

---

Arahan ini dikeluarkan adalah bagi memberi penjelasan kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan berhubung dengan pemakaian Pekeliling PTG Bil. 4/2004 berkaitan tindakan pembekuan permohonan pembangunan tanah-tanah milik di dalam kawasan pembangunan Bandar Baru Tunjung bertarikh 07hb. Disember 2004.

2. Adalah dimaklumkan bahawa tindakan pembekuan tersebut hanyalah melibatkan kawasan-kawasan pembangunan yang terlibat dengan pengambilan balik tanah. Kawasan-kawasan tersebut ditandakan dalam plot-plot yang berwarna sebagaimana Pelan Guna Tanah Bandar Baru Tunjung yang disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Kelantan.

3. Oleh yang demikian, tanah-tanah milik dalam kawasan yang tidak ditandakan dengan plot-plot yang berwarna iaitu kawasan putih sebagaimana pelan guna tanah tersebut adalah tidak terlibat dalam tindakan pembekuan tersebut.

4. Pentadbir-Pentadbir Tanah serta Pihak Berkuasa Tempatan yang berkenaan dengan ini diminta supaya merujuk kepada Pelan Guna Tanah Bandar Baru Tunjung yang disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Kelantan sebelum tindakan pembekuan dibuat ke atas permohonan-permohonan yang diterima.

5. Arahan ini berkuatkuasa serta merta dan hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling PTG. Bil. 4/2004.

t.t

.....  
**(Hj. Che Kamarulzaman bin Hj. Mohamed)**  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
NEGERI KELANTAN

**KEPADA:**

Yang Amat Bahagia/Yang Amat Berusaha,  
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan

**SALINAN KEPADA:**

1. YAB. Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan.
2. YB. Timbalan Menteri Besar Kelantan.
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan.
4. YB. Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.
5. YB. Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
6. YABrs. Dato' Pengarah UPEN
7. YABrs. Ketua Audit Negeri Kelantan.
8. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha (Kerajaan Tempatan)
9. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan.
10. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha ( Perumahan )  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Kelantan.
11. Yang DiPertua Majlis Perbandaran Kota Bharu
12. Yang DiPertua Majlis Daerah Kota Bharu

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
NEGERI KELANTAN  
BLOK 3, KOTA DARULNAIM  
15576 KOTA BHARU.**

**FAIL : PTG.KN.3269 Jld.2 (68)**

BERTARIKH : 15 Disember 2004